

Tata Laku Sedunia

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
American & Efird
P.O. Box 507
Mount Holly, NC 28120-0507 USA
www.amefird.com



Risalah ini dicetak dengan dakwat soya pada
kertas boleh kitar semula/kertas kitar semula.

Kandungan

Kata Pengantar	1
Hukuman untuk Pelanggaran	2
Menangani Persoalan Keutuhan	2
Pentadbiran Tata Laku Sedunia	2
Jawatankuasa Etika	2
Latihan dan Pendidikan	2
Keutuhan dalam Bisnes A&E	4
Konflik Kepentingan	4
Hubungan Bisnes Peribadi	4
Melakukan bisnes dengan Saudara	4
Ganjaran, Hadiah dan Hiburan	5
Memperoleh Maklumat Saingan	5
Perdagangan Orang Dalam	5
Undang-undang Perdagangan Antarabangsa	6
Akta Amalan Korupsi Asing	6
Antipercaya dan Saingan Adil	7
Hukuman Perdagangan	8
Anti-Boikot	8
Keselamatan	9
Kegiatan dan Sumbangan Politik	9
Mematuhi Undang-undang	9
Mutu dan Pemeriksaan	9
Keutuhan di Tempat kerja A&E	10
Memperlakukan Orang dengan Adil	10
Majikan Peluang Sama Rata	10
Non-Diskriminasi/Non-Gangguan	10
Tempat Kerja Bebas Dadah	11
Tenaga Buruh Anak dan Tenaga Buruh Paksa	11
Gaji	12
Ancaman dan Kekejaman Tempat Kerja	12
Kelakuan Penipuan	12
Persekitaran, Kesihatan dan Keselamatan	12
Kesihatan dan Keselamatan	12
Prinsip-prinsip Persekitaran	13
Keutuhan Maklumat dan Harta A&E	14
Maklumat Sulit	14
Ketepatan Pelaporan Kewangan dan Penyimpanan Catatan ..	15
Sumber Syarikat dan Harta Intelektual	15
Komunikasi dengan Kerajaan	16
Komunikasi dengan Awam	16
Komitmen yang Berterusan	17
Rakan Pengesahan	18

Kata Pengantar

Etika dan Kelakuan Bisnes yang Baik Membawa Perubahan

Setiap hari anda akan menghadapi dan membuat keputusan yang amat penting untuk kejayaan A&E. Namun, tidak bakal ada keperluan bisnes yang memberi alasan untuk tindakan yang tidak beretika, tidak bermoral atau tidak profesional. Cara kita melakukan bisnes dan cara kita memperlakukan orang lain amat penting untuk melindungi bisnes dan nama baik sedunia kita dalam industri ini.

Tujuan dasar Tata Laku Sedunia ini adalah untuk memastikan semua rakan A&E di serata dunia memahami dan mematuhi standard tertinggi untuk kelakuan, dan juga supaya kita memberi pelanggan kita mutu, perkhidmatan dan nilai yang konsisten di semua pasaran. Kami juga berharap Tata Laku Sedunia ini akan memberi anda rujukan yang dapat diakses dengan mudah untuk membuat keputusan yang baik dalam pekerjaan anda. Tata Laku Sedunia ini tidak cuba menangani segala situasi yang mungkin anda hadapi atau setiap keperluan jawatan anda, tetapi mengemukakan harapan asas A&E berkenaan dengan kelakuan profesional dan peribadi anda, serta peraturan dan prosedur asas yang A&E harapkan diikuti oleh setiap rakan. Anda harus menggunakan Tata Laku Sedunia ini bersama dengan Dasar dan Prosedur Sedunia, serta dasar, prosedur dan peraturan pekerjaan jabatan, anak syarikat atau unit bisnes anda. Jika anda sekali-kali tidak pasti mengenai cara untuk menggunakan Tata Laku Sedunia ini dalam situasi tertentu, tanyalah penyelia atau pengurus anda, atau ahli lain Jawatankuasa Etika A&E. Akhirnya, keutuhan peribadi anda dan keutuhan syarikat kita bergantung pada penilaian peribadi anda dalam memilih tindakan yang betul.

Walaupun tidak setiap hal yang dibincangkan dalam Tata Laku Sedunia ini akan berkenaan dengan setiap pekerja, A&E mengharapkan semua kakitangan di seluruh dunia membiasakan diri dengan Tata Laku Sedunia supaya mereka memahami dan mematuhi dasar-dasar ini. A&E memastikan agar Tata Laku Sedunia ini diikuti oleh semua anak syarikat yang kami kawal. Di samping itu, kami bekerjasama dengan rakan usaha sama kami dan pelesen kami untuk melakukan perniagaan mereka dengan semangat Tata Laku Sedunia.

Hukuman untuk Pelanggaran

Menghormati prinsip-prinsip dan mematuhi dasar-dasar Tata Laku Sedunia ini merupakan syarat pekerjaan anda di A&E. Semua pengarah, pegawai atau pekerja yang melanggar dasar-dasar ini akan dikenakan tindakan disiplin sampai dan termasuk pemecatan.

Menangani Persoalan Keutuhan

A&E memberi anda banyak sumber untuk membantu anda menjawab soalan mengenai kepatuhan dengan Tata Laku Sedunia ini serta persoalan keutuhan. Sebaiknya anda mengajukan pertanyaan selalu jika anda mempunyai keraguan sama ada sesuatu tindakan atau situasi mungkin tidak betul. Terlebih dahulu, anda harus membincangkan persoalan tersebut dengan penyelia langsung anda, yang mengetahui diri anda dan tempat kerja anda. Jika anda tidak selesa membincangkan persoalan tersebut dengan penyelia anda atau penyelia anda tidak dapat mencari jawapan, anda harus membincangkan persoalan tersebut dengan pihak berikut:

- Pengurus lain dalam rantai pelaporan anda; atau
- Mana-mana ahli Jawatankuasa Etika (Presiden A&E, Naib Presiden Kanan Korporat–Kewangan, atau Naib Presiden Korporat–Sumber Manusia) dengan menelefon +1 (704) 827-4311 atau bebas tol di Amerika Syarikat pada nombor +1 (800) 453-5128.

Anda harus tahu bahawa adalah pelanggaran Tata Laku Sedunia ini apabila kakitangan A&E membalas dendam terhadap mereka yang menyuarakan kekhawatiran yang tulus hati. “Tulus hati” tidak bermakna bahawa anda harus betul, tetapi mengharuskan anda berkata benar, sepengetahuan anda.

Pentadbiran Tata Laku Sedunia

Setiap Naib Presiden Kanan Korporat A&E, atau pihak lain yang melapor langsung kepada Presiden A&E dan Penasihat Korporat A&E bertanggungjawab atas pentadbiran Tata Laku Sedunia.

Jawatankuasa Etika

Jawatankuasa Etika A&E memberi pengawasan, nasihat, sokongan dan panduan am yang seperlunya kepada Naib Presiden Kanan Korporat A&E, pihak lain yang melapor langsung kepada Presiden A&E dan Penasihat Korporat A&E dalam pelaksanaan tugas mereka. Jawatankuasa Etika terdiri daripada Presiden A&E, Naib Presiden Kanan Korporat–Kewangan dan Naib Presiden Korporat–Sumber Manusia.

Latihan dan Pendidikan

Suatu rancangan latihan dan pendidikan sedunia secara tetap akan dikembangkan dan dikekalkan berkenaan dengan Tata Laku Sedunia, segala dasar kepatuhan serta undang-undang dan peraturan

yang berkenaan (“Dasar-dasar A&E”). Tujuan rancangan latihan ini adalah untuk memastikan semua kakitangan A&E mengetahui keperluan, dan kepentingan kepatuhan dengan, dan tanggungjawab mereka menurut Dasar-dasar A&E. Rancangan komunikasi dan latihan kepatuhan akan diterapkan di setiap lokasi A&E.

Semua kakitangan A&E akan menerima salinan Tata Laku Sedunia. Di samping Tata Laku Sedunia, semua kakitangan A&E akan menerima sijil yang harus ditandatangani untuk mengakui bahawa Tata Laku Sedunia telah dibaca dan akan dipatuhi.

Dalam jangka waktu yang berpatutan setelah akhir setiap tahun taksiran, semua rakan penjualan A&E USA aktif yang termasuk dalam senarai gaji pada akhir setiap tahun taksiran dan terkecuali daripada upah dan menerima komisyen diharuskan membaca Tata Laku Sedunia dan mengisi Kenyataan Tata Laku Sedunia (“Kenyataan”). Bagi lokasi A&E di negara lain, Jawatankuasa Etika, dengan masukan daripada Pengurus Am, akan bertanggungjawab atas menentukan rakan di setiap lokasi yang akan diharuskan membaca Tata Laku Sedunia dan mengisi Kenyataan dalam jangka masa yang berpatutan setelah akhir setiap tahun taksiran.

Tata Laku Sedunia ini tidak bertujuan menimbulkan sebarang hak kontrak atau hak undang-undang lain dan boleh diubah dari semasa ke semasa, dengan atau tanpa pemberitahuan kepada rakan. Sila rujuk kepada Penafian Kontrak Pekerjaan dalam Perkenalan kepada Dasar dan Prosedur A&E.



Keutuhan dalam Bisnes A&E

Peraturan yang Menentukan Cara Kita Melakukan Bisnes Sehari-hari

Konflik Kepentingan

Mungkin wujud konflik kepentingan apabila kepentingan peribadi anda bertentangan atau rupanya bertentangan dengan kepentingan A&E. Keputusan anda harus sentiasa berdasarkan keperluan A&E, dan bukannya kepentingan sendiri. Misalnya, konflik kepentingan mungkin timbul (i) apabila anda mengambil tindakan atau mempunyai kepentingan yang mungkin menimbulkan kesulitan untuk melakukan tugas anda secara objektif dan berkesan; (ii) apabila anda atau anggota keluarga anda menerima faedah peribadi yang tidak lazim kerana jawatan anda di A&E; atau (iii) apabila A&E memberi pinjaman, atau menjamin hutang anda atau anggota keluarga anda.

Sebagai dasar A&E, konflik kepentingan harus dielakkan. Konflik kepentingan mungkin tidak selalu jelas, jadi jika anda mempunyai soalan, anda harus berbincang dengan tingkat pengurusan yang lebih tinggi, dan jika anda menyedari konflik atau konflik yang mungkin, anda harus mengemukakan konflik tersebut kepada Jawatankuasa Etika. Jawatankuasa Etika kemudian akan meninjau hal tersebut dan menentukan tindakan yang betul menurut dasar kes demi kes.

Hubungan Bisnes Peribadi

Khususnya, anda tidak harus memegang jawatan dengan, atau mempunyai kepentingan yang cukup besar dalam, sebarang usaha bisnes yang mungkin mempengaruhi kebebasan penilaian anda berkenaan dengan transaksi antara A&E dan usaha bisnes lain. Anda mesti memastikan hubungan bisnes peribadi anda tidak bakal mempengaruhi keputusan yang anda buat untuk A&E. Tanpa faktor lain, pemilikan sekuriti yang kurang daripada satu peratus (1%) kelas biasa sekuriti sedemikian sahaja dalam usaha bisnes yang diperdagangkan secara awam tidak merupakan konflik kepentingan.

Melakukan bisnes dengan Saudara

Kelulusan terdahulu daripada Jawatankuasa Etika diperlukan supaya seseorang pekerja A&E boleh melakukan bisnes dengan A&E untuk kepentingan peribadi atau kepentingan saudara.

Ganjaran, Hadiah dan Hiburan

Tiada pekerja A&E yang boleh menerima atau setuju menerima sebarang bayaran, hadiah, hiburan atau bantuan atau upah lain yang melampaui standard kita atau mungkin dianggap sebagai syarat pelanggan atau pembekal untuk berurusan dengan A&E. Hadiah musiman yang bersifat kadangkala dibolehkan, asalkan sebarang hadiah, hiburan atau bantuan atau upah lain yang melebihi nilai AS\$250 daripada pelanggan atau pembekal manapun mesti didedahkan kepada Jawatankuasa Etika. Di samping itu, sebarang undangan daripada Pelanggan atau pembekal yang menyediakan biaya perjalanan dan penginapan mesti disingkatkan secara bertulis kepada Jawatankuasa Etika, dan diluluskan secara bertulis oleh sekurang-kurangnya dua ahli Jawatankuasa Etika sebelum anda menerima undangan tersebut.

Memperoleh Maklumat Saingan

A&E menghargai maklumat bisnes yang diperoleh dengan betul. Maklumat mengenai pesaing kita harus diperoleh daripada sumber awam sahaja yang disediakan secara terbuka kepada pihak lain. Kakitangan A&E tidak harus sekali-kali mengintip atau mencuri untuk memperoleh maklumat saingan.

Tanggungjawab Anda

- Utamakan kepatuhan undang-undang dan prinsip etika lebih daripada keuntungan peribadi.
- Jangan memegang jawatan atau kepentingan kewangan dengan bisnes lain yang mungkin mengganggu tugas atau tanggungjawab A&E anda kecuali jika diluluskan oleh Jawatankuasa Etika.
- Jangan lakukan bisnes antara A&E dan seorang saudara tanpa kelulusan terdahulu daripada Jawatankuasa Etika.
- Laporkan sebarang pelanggaran dasar konflik kepentingan kepada Jawatankuasa Etika.
- Elakkan daripada menerima hadiah yang melebihi nilai kecil semasa berurusan dengan pembekal atau pelanggan.

Perdagangan Orang Dalam

Sebagai pekerja A&E, anda mungkin mempunyai akses ke maklumat yang berkenaan dengan A&E atau syarikat lain sebelum orang awam mengetahui maklumat sedemikian. Maklumat begini biasanya dipanggil maklumat “orang dalam”. Jika anda mempunyai akses ke maklumat “orang dalam”, anda atau anggota keluarga anda tidak dibenarkan menggunakan atau bertukar maklumat tersebut bagi tujuan jual beli saham atau tujuan lain kecuali pelaksanaan bisnes A&E. Segala maklumat material yang tidak awam mengenai A&E atau syarikat lain harus dianggap sebagai maklumat “orang dalam”. Untuk menggugurkan maklumat material yang tidak awam ini untuk faedah kewangan peribadi atau memberi “petua” kepada pihak lain mungkin menjadikan keputusan pelaburan berdasarkan

maklumat ini bukan sahaja tidak beretika, tetapi juga haram. Peraturan ini juga berkenaan dengan transaksi yang lebih rumit, misalnya opsyen, jualan dan panggilan, serta sekuriti terbitan lain. Cara yang terbaik untuk mengetahui bahawa maklumat tersebut adalah awam adalah dilihat dalam akhbar atau di televisyen.

Sebarang soalan yang berkenaan dengan maklumat “orang dalam” ini harus diajukan kepada Jabatan Undang-undang Korporat A&E atau Naib Presiden Kanan Korporat – Kewangan.

Tanggungjawab Anda

- Jangan perdagangan sekuriti berdasarkan maklumat yang tidak awam.
- Jangan sampaikan maklumat “orang dalam” kepada sesiapa yang tidak perlu mengetahui.

Undang-undang Perdagangan Antarabangsa

A&E melakukan bisnes di serata dunia. Adakalanya tindakan yang diambil di sebuah negara menimbulkan pendedahan undang-undang bagi A&E di bawah undang-undang negara lain. Ini benar sekali di bawah undang-undang Amerika Syarikat. Peraturan anti-saingan dan perdagangan adalah rumit dan tidak dapat dijelaskan sepenuhnya dalam panduan ini. Oleh sebab ini, A&E telah menghasilkan dasar dan prosedur jabatan perdagangan sedunia tertentu dan menyediakan latihan tambahan bagi kakitangan A&E yang mungkin sekali menghadapi peraturan-peraturan ini semasa melakukan tugas mereka. Namun, A&E mengharuskan agar semua kakitangan mempunyai pemahaman asas mengenai persoalan yang timbul di bawah undang-undang ini.

Akta Amalan Korupsi Asing

Akta Amalan Korupsi Asing (“FCPA”) melarang sebarang syarikat Amerika Syarikat dan anak syarikat, rakan atau ejen di serata dunia daripada membayar pegawai kerajaan atau parti politik asing atau pegawai daripada parti politik asing, sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui orang lain, bagi tujuan (i) mempengaruhi sebarang tindakan atau keputusan pegawai asing tersebut atau (ii) memperoleh dan mengekalkan bisnes. Dalam banyak hal, orang yang bukan pegawai kerajaan di Amerika Syarikat mungkin merupakan pegawai kerajaan di luar negara jika kerajaan memiliki atau mengelola tempat pekerjaan mereka secara langsung atau tidak langsung. Oleh demikian, haruslah berhati-hati khususnya terhadap status sesiapa yang menerima bayaran atau faedah bukan wang, serta penggunaan ejen di negara asing yang mungkin terlibat dalam kegiatan yang dilarang oleh FCPA.

Wujud pengecualian tertentu yang terhad bagi FCPA, tetapi sama ada bayaran tertentu layak sebagai pengecualian adalah biasanya soalan undang-undang. Juga, dalam beberapa hal, perbelanjaan yang “berpatutan dan bona fide”, misalnya biaya perjalanan dan penginapan, dapat dipampas kepada pegawai asing, jika berkenaan dengan demonstrasi atau promosi keluaran atau perkhidmatan; namun, jika

dan sampai takat mana sesuatu perbelanjaan dapat dipampas akan mengharuskan penilaian undang-undang. Namun kakitangan dan rakan A&E tidak harus coba menilai kesahan bayaran yang dicadangkan di bawah sebarang pengecualian ini, dan sebaliknya harus berbincang dengan Jabatan Undang-undang Korporat A&E sebelum melakukan sebarang bayaran kepada pegawai kerajaan asing.

Tanggungjawab Anda

- Berbincanglah dengan Jabatan Undang-undang Korporat A&E untuk memahami FCPA dan peraturan anti-rasuah lain dan ambillah tindakan yang sesuai.
- Hubungilah pengurusan A&E atau Jabatan Undang-undang Korporat A&E jika pegawai kerajaan meminta benda bernilai.
- Jangan anggap bahawa sesuatu amalan dapat diterima kerana syarikat lain telah melakukan hal tersebut.
- Jangan berikan atau janjikan apapun yang bernilai kepada pegawai kerajaan tanpa kelulusan pengurusan anda atau Jabatan Undang-undang Korporat A&E.

Antipercaya dan Saingan Adil

Dasar A&E adalah untuk memastikan segala operasi, kegiatan dan hal ehwal bisnes A&E dilakukan dengan kepatuhan penuh dengan segala undang-undang antipercaya dan saingan di Amerika Syarikat dan bidang kuasa lain di mana A&E beroperasi. A&E tidak akan terlibat dalam sebarang kelakuan haram yang membahayakan saingan, termasuk, tetapi tidak terhad pada, mengadakan perjanjian haram dengan saingan atau aturan haram dengan pembekal, pengagih atau pelanggan. Selama ini, dan selalunya, dasar A&E adalah untuk membuat keputusan bebas sendiri mengenai keluaran mana akan ditawarkan, bila dan bagaimana ditawarkan dan harga yang dikenakan.

Dasar A&E menyatakan bahawa seharusnya tiada perjanjian (atau percubaan untuk membuat perjanjian) dengan mana-mana wakil pesaing berkenaan dengan harga, dasar harga, potongan harga, elaun atau syarat penjualan lain. Di samping itu, pesaing juga tidak boleh saling bersetuju untuk memperuntukkan pelanggan, pasaran atau wilayah atau memboikot sebarang pembekal atau pelanggan, atau mengambil tindakan atau tidak mengambil tindakan tertentu yang membahayakan saingan.

Seperti untuk undang-undang manapun, kegagalan untuk mematuhi membawa risiko besar bagi A&E, pegawai dan rakan. Hukuman untuk pelanggaran undang-undang antipercaya mungkin berat sekali dan dapat mempunyai kesan jangka panjang terhadap individu yang terlibat mahupun A&E secara keseluruhan. Oleh demikian, semua kakitangan A&E diwajibkan mematuhi dasar antipercaya ini. Setiap pegawai dan rakan bertanggungjawab atas memastikan bisnes A&E dilaksanakan dengan kepatuhan terhadap segala undang-undang antipercaya yang berkenaan.

Kebanyakan undang-undang antipercaya dan saingan adil juga melarang penggunaan kedudukan pasaran yang dominan untuk

memonopoli pasaran atau mengawal harga atau mengecualikan pesaing daripada memasuki pasaran tersebut, tidak kira pengaruh pasaran biasa.

Kepatuhan antipercaya merupakan bidang undang-undang yang amat teknikal. Jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai kepatuhan antipercaya, sila hubungi penyelia anda atau Jabatan Undang-undang Korporat A&E. Kakitangan A&E yang didapati melanggar dasar ini dikenakan tindakan disiplin, sampai dan termasuk pemecatan, dan mungkin dikenakan hukuman sivil dan jenayah.

Tanggungjawab Anda

- Jangan sekali-kali membincangkan harga atau keluaran, sama ada secara rasmi ataupun tidak rasmi, dengan mana-mana pekerja pesaing A&E.
- Jangan sekali-kali membuat kenyataan yang tidak benar atau buruk mengenai pesaing A&E.

Hukuman Perdagangan

Kadangkala, kerajaan mengadakan syarat perdagangan atau perjalanan untuk barangan import dari atau barangan eksport ke negara asing. Operasi Amerika Syarikat A&E tertakluk pada undang-undang eksport Amerika Syarikat, yang asasnya membatasi destinasi dan pengguna akhir keluaran A&E, termasuk pengeksportan semula keluaran sedemikian daripada negara asing ke destinasi atau pengguna akhir yang dilarang. Dalam beberapa hal, tiada keluaran, tidak kira asal usul, yang dapat dikirim ke destinasi tertentu. Dasar A&E adalah untuk mematuhi semua undang-undang yang dikuatkuasakan untuk membatasi perdagangan dengan negara tertentu dan penting agar semua kakitangan A&E yang terlibat dengan barangan eksport membiasakan diri dengan peraturan dan prosedur yang berkenaan dengan kegiatan bisnes mereka.

Tanggungjawab Anda

- Jangan anggap bahawa peraturan eksport tidak berkenaan dengan penjualan di luar Amerika Syarikat.
- Berbincanglah dengan Jabatan Undang-undang Korporat A&E jika anda mempunyai sebarang soalan atau kekhawatiran mengenai kepatuhan sebarang undang-undang perdagangan.

Anti-Boikot

Undang-undang anti-boikot Amerika Syarikat melarang A&E (termasuk anak syarikat dan rakan asing yang dikawal) daripada menolak melakukan bisnes dengan orang lain atau mengambil tindakan lain demi menyokong boikot yang tidak diperintahkan oleh Kerajaan Amerika Syarikat. Undang-undang Amerika Syarikat mengharuskan A&E dan anak syarikat asing yang dikawal untuk melaporkan kepada kerajaan Amerika Syarikat sebarang permintaan yang mungkin diterima untuk terbabit dalam boikot. Jika mana-mana pekerja A&E menerima permintaan bertulis atau lisan untuk

mengambil tindakan atau tidak mengambil tindakan yang mempunyai kesan melanjutkan atau menyokong sebarang boikot, ia harus segera melaporkan permintaan tersebut kepada Jabatan Undang-undang Korporat A&E untuk panduan mengenai cara untuk membalas.

Tanggungjawab Anda

- Laporkan sebarang permintaan untuk mengambil bahagian dalam boikot kepada Jabatan Undang-undang Korporat A&E.

Keselamatan

A&E mempunyai komitmen untuk mengekalkan kepatuhan dengan amalan terbaik untuk keselamatan akses, peribadi, prosedur dan fizikal kerana berkenaan dengan proses pengeluaran, pergudangan dan perkapalan.

Kegiatan dan Sumbangan Politik

Sumber kewangan dan sumber lain daripada A&E tidak harus digunakan bagi tujuan menyokong secara langsung atau tidak langsung sebarang calon untuk jawatan politik, pampasan secara langsung atau tidak langsung untuk sumbangan politik oleh sebarang individu, atau bagi tujuan memberi bayaran, sumbangan atau hadiah kepada pegawai atau pekerja kerajaan. A&E menggalakkan semua kakitangan A&E untuk mengambil bahagian dalam hal ehwal politik secara individu dalam masa dan dengan sumber sendiri.

Mematuhi Undang-undang

Adalah dasar A&E untuk memastikan segala operasi, kegiatan dan hal ehwal bisnes dilakukan dengan kepatuhan penuh kepada undang-undang yang berkenaan di semua bidang kuasa di mana A&E beroperasi.

Mematuhi undang-undang, baik secara teori mahupun melalui semangat, merupakan asas standard etika A&E. Walaupun tidak setiap orang antara kita diharapkan mengetahui butir-butir segala undang-undang yang berkenaan, penting untuk mengetahui secukupnya untuk menentukan bila untuk memperoleh nasihat daripada penyelia, pengurus, Jabatan Undang-undang Korporat A&E atau kakitangan lain yang sesuai. A&E akan mengadakan sesi maklumat dan latihan seperlunya untuk menganjurkan kepatuhan dengan segala undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

Mutu dan Pemeriksaan

A&E mempunyai komitmen untuk menyediakan keluaran dan perkhidmatan bertaraf dunia yang memenuhi atau melebihi keperluan pelanggan. Mutu bertaraf dunia adalah amat penting demi kejayaan kita dan dicapai melalui pelbagai peningkatan proses dan ditakrifkan sebagai mencapai sasaran dengan penyesuaian minimum. Segala dokumentasi pemeriksaan harus diisi dengan jitu dan tepat masa.

Keutuhan di Tempat kerja A&E

Peraturan yang Menentukan Cara Kita Hidup dan Bekerja sebagai Pekerja A&E

Memperlakukan Orang dengan Adil

Majikan Peluang Sama Rata

A&E merupakan majikan peluang sama rata. Dasar A&E adalah untuk menyediakan peluang pekerjaan sama rata bagi semua rakan berkecuali dan pemohon berkecuali untuk pekerjaan, tidak kira kaum, warna kulit, agama, jantina, asal usul, umur, kekurangan upaya atau sebarang golongan lain yang dilindungi oleh undang-undang yang berkenaan. Dasar ini berkenaan dengan segala syarat pekerjaan termasuk, tetapi tidak terhad pada, penggajian, faedah, pemindahan, pampasan, kenaikan pangkat, cuti, pemecatan dan pengurangan kakitangan.

Non-Diskriminasi/Non-Gangguan

Kami meminta dan mengharuskan semua kakitangan A&E untuk memberi sokongan mereka demi mencapai objektif kita bagi peluang pekerjaan sama rata dan toleransi sifar untuk sebarang jenia gangguan atau diskriminasi haram. Sebarang pelanggaran akan segera ditangani dan kakitangan A&E, termasuk mana-mana pengurus atau penyelia yang terlibat dalam kelakuan sedemikian akan tertakluk pada tindakan disiplin yang sesuai sampai dan termasuk pemecatan.

Semua kakitangan A&E berhak diperlakukan dengan maruah dan hormat. Oleh demikian, Syarikat ini mempunyai komitmen untuk mewujudkan tempat kerja yang bebas daripada gangguan, pengertakan dan pemaksaan berdasarkan atau berkenaan dengan kaum, jantina, agama, asal usul, umur, kekurangan upaya atau sebarang golongan lain yang dilindungi oleh peraturan yang berkenaan. Kelakuan sedemikian tidak konsisten dengan falsafah saling hormat kita untuk semua kakitangan A&E dan tidak akan diterima.

Gangguan yang haram dan tidak betul boleh termasuk tetapi tidak terhad pada yang berikut:

- Membuat komen yang tidak diinginkan mengenai rupa, tubuh atau kehidupan peribadi seseorang;
- Sentuhan fizikal yang menyinggung atau menyerang;

- Penggunaan julukan atau nama panggilan yang menyinggung;
 - Gurauan atau sindiran yang tidak diinginkan;
 - Sebarang cadangan bahawa kegiatan seksual, kaum, jantina, agama, asal usul, umur, kekurangan upaya atau golongan lain yang terlindung akan mempengaruhi pekerjaan, kenaikan pangkat, penilaian prestasi atau keadaan pekerjaan seseorang;
 - Menunjukkan benda atau gambar yang menyinggung; atau
 - Kelakuan lain, yang walaupun tidak ditolak oleh sesetengah kakitangan A&E, mewujudkan persekitaran kerja yang boleh dianggap oleh orang lain sebagai menyinggung atau tidak ramah.
- Gangguan seksual, khususnya, boleh terdiri daripada pendekatan seksual yang tidak diinginkan, permintaan untuk perbuatan seksual, atau kelakuan lisan atau fizikal lain yang bersifat seksual apabila satu atau lebih daripada yang berikut berlaku:

1. Penerimaan atau penolakan kelakuan sedemikian dijadikan syarat pekerjaan seseorang individu;
2. Penerimaan atau penolakan kelakuan sedemikian digunakan sebagai asas keputusan pekerjaan, misalnya kenaikan pangkat, penurunan pangkat, pemecatan, atau gaji; atau
3. Keadaan sedemikian mengganggu dengan prestasi pekerjaan rakan atau mewujudkan persekitaran kerja yang tidak ramah, menggertak atau menyinggung.

Tempat Kerja Bebas Dadah

A&E mempunyai komitmen untuk memastikan semua pekerja tidak terlibat dalam kegiatan dadah yang haram di tempat kerja. Demi mencapai matlamat ini, A&E telah mewujudkan Dasar Penyalahgunaan Bahan.

A&E akan mengambil tindakan disiplin yang sesuai, sampai dan termasuk pemecatan, terhadap mana-mana pekerja yang melanggar dasar ini. Di mana dibenarkan undang-undang tempatan, A&E berhak menguji mana-mana pekerja A&E jika ia rupanya kurang sihat untuk bekerja kerana penggunaan dadah atau penyalahgunaan bahan larangan yang disyaki.

Semua pekerja A&E mempunyai kewajipan tegas untuk mendedahkan sebarang dan segala pelanggaran dasar ini yang diketahui atau disyaki, kepada kakitangan jabatan Sumber Manusia yang sesuai.

Tenaga Buruh Anak dan Tenaga Buruh Paksa

A&E tidak akan terlibat dalam atau menyetujui penggajian anak di tempat kerja atau terlibat dalam atau menyetujui penggunaan tenaga buruh paksa. A&E mempunyai umur minimum untuk pekerja, iaitu yang paling tua daripada 16 tahun, umur minimum tempatan atau umur persekolahan wajib.

Gaji

A&E mempunyai komitmen untuk berdaya saing bagi gaji yang berkenaan dalam industri tempatan, tetapi akan memastikan gaji tidak akan sekali-kali di bawah undang-undang gaji minimum yang berkenaan untuk setiap operasinya.

Ancaman dan Kekejaman Tempat Kerja

Ancaman, kelakuan mengancam, tindakan agresif atau tindakan kekejaman terhadap kakitangan, pelanggan, penjual atau individu lain di A&E pada masa kerja atau semasa di harta tanah A&E adalah dilarang. Di samping itu, ancaman, kelakuan mengancam, tindakan agresif atau tindakan kekejaman terhadap rakan di luar masa kerja adalah dilarang. Pelanggaran dasar ini akan mengakibatkan orang yang berkenaan dikenakan tindakan disiplin, sampai dan termasuk pemecatan.

Kelakuan Penipuan

Kakitangan A&E yang sengaja menipu orang atau bisnes lain dalam sesuatu transaksi mungkin sekali melanggar undang-undang jenayah mahupun sivil di kebanyakan, jika bukan semua bidang kuasa di mana A&E melakukan bisnes. Di samping itu, perbincangan mengenai transaksi sedemikian yang menipu, melalui telefon, faksimile, e-mel atau pos mungkin menimbulkan tuntutan penipuan. Undang-undang Amerika Syarikat mengenai penipuan menjangkau jauh dan pelanggaran akan mengakibatkan kakitangan A&E sedemikian tertakluk pada hukuman denda dan penjara yang berat. Untuk mengelakkan liabiliti sedemikian, kakitangan A&E harus amat berwaspada untuk memastikan tiada gambaran salah yang sengaja mengenai keluaran A&E dalam tawaran kepada pelanggan, dalam sebarang pemfailan atau laporan kepada mana-mana kerajaan atau bank, atau dalam dokumen yang serupa. A&E tidak membenarkan kelakuan menipu dan amat penting agar semua kakitangan A&E bertindak menurut segala undang-undang yang berkenaan.

Persekitaran, Kesihatan dan Keselamatan

Kesihatan dan Keselamatan

Dasar A&E adalah untuk mematuhi segala undang-undang kerajaan pusat, negeri, mukim atau tempatan berkenaan dengan kesihatan dan keselamatan tempat kerja. Rakan A&E bertanggungjawab atas kepatuhan dengan segala peraturan keselamatan dan kesihatan, serta untuk tetap mengalami keselamatan semasa melakukan tugas. A&E mempunyai komitmen untuk menyediakan langkah keselamatan yang berpatutan untuk memastikan keadaan kerja yang selamat, menjaga segala peralatan, perkakas dan mesin dalam keadaan yang baik, serta mempelajari, mengembangkan dan melatih rakan tentang kaedah pekerjaan selamat. Di samping itu, A&E melarang pemilikan senjata tangan atau senjata lain di harta tanah A&E.

Kakitangan A&E yang melanggar undang-undang ini tidak hanya akan mengakibatkan bahaya kepada diri sendiri, tetapi kepada orang lain juga. Sebarang pelanggaran prosedur keselamatan yang disyaki atau kekhuatiran keselamatan harus segera dilaporkan kepada penyelia anda supaya dapat ditangani dengan sesuai.

Prinsip-prinsip Persekitaran

Adalah dasar A&E untuk melaksanakan operasi kami dengan cara yang melindungi persekitaran. Sebagai minimum, ini bermakna bahawa A&E akan mematuhi semua undang-undang dan peraturan di setiap negara di mana kita beroperasi. Jika undang-undang dan peraturan persekitaran tempatan tidak wujud atau kurang ketat, dasar dan standard Persekitaran, Kesihatan & Keselamatan Persekitaran Antarabangsa A&E akan dipatuhi.

Syarikat-syarikat sering mewujudkan standard persekitaran, kesihatan dan keselamatan yang harus dipatuhi oleh pembekal. Dasar dan prosedur Persekitaran, Kesihatan dan Keselamatan kita direka bentuk untuk memenuhi atau melampaui standard-standard sedemikian yang diterapkan oleh pelanggan A&E.

A&E percaya bahawa persekitaran yang selamat dan sihat merupakan kewajipan setiap warganegara serta setiap syarikat yang bertanggungjawab, dan ini bermakna bahawa A&E harus memainkan peranan pemimpin dalam melindungi persekitaran untuk generasi ini dan generasi-generasi mendatang. Komitmen A&E terhadap persekitaran diungkapkan melalui perbelanjaan untuk peralatan dan rancangan bagi memastikan sisa proses pengeluaran tidak membawa akibat buruk terhadap udara, tanah atau air.

A&E percaya bahawa salah satu masalah persekitaran yang paling penting ialah bahan buangan pejal, yang berlonggok di tapak pembuangan, dan kita mesti berusaha ke arah maklumat mutlak “Buangan Sifar”, iaitu hampir menghapuskan penggunaan tapak pembuangan.

A&E mempunyai komitmen untuk bekerjasama dengan pelanggan kita bagi menggalakkan mereka membeli dan menerima keluaran yang mempunyai pembungkus yang boleh dikitar semula, dan juga dengan pembekal kita untuk mereka bentuk keluaran dan pembungkus keluaran yang boleh dikitar semula.

A&E mempunyai komitmen untuk menggalakkan masyarakat, keluarga dan rakan kami untuk memelihara sumber alam kita dan melindungi persekitaran dengan lebih baik dalam kehidupan seharian kita.

Tanggungjawab Anda

- Ketahuilah dasar persekitaran A&E.
- Kenal pasti sebarang hal di mana A&E mungkin dapat meningkatkan prinsip persekitaran.
- Kemukakan sebarang pelaporan persekitaran yang tidak tepat atau sebarang persoalan persekitaran kepada pengurusan A&E.

Keutuhan Maklumat dan Harta A&E

Peraturan untuk Melindungi Sumber dan Aset Syarikat

Maklumat Sulit

Syarikat ini mempunyai pelaburan besar dalam maklumat sulit bernilai yang digunakan dalam bisnes seharian. Syarikat ini akan melindungi pelaburan tersebut melalui prosedur yang direka bentuk untuk mencegah pendedahan yang tidak dibenarkan bagi maklumat sulit.

Dasar A&E adalah untuk memastikan operasi, kegiatan dan hal ehwal bisnes A&E, pelanggan kita dan pembekal kita dipegang sulit sedapat mungkin. Jika, semasa bekerja, kakitangan A&E memperoleh maklumat sulit mengenai A&E, pelanggan A&E atau pembekal A&E, maklumat sedemikian harus dikendalikan dengan kesulitan ketat dan tidak dibincangkan dengan pihak luar. Rakan juga bertanggungjawab atas keselamatan dalaman maklumat sedemikian. Maklumat sulit merupakan maklumat yang dimiliki oleh A&E dan tidak diketahui secara awam, yang termasuk tetapi tidak terhad pada yang berikut:

- Rancangan bisnes A&E
- Maklumat harga
- Ramalan
- Analisis pasaran
- Bahan latihan
- Panduan teknikal
- Data penjualan
- Maklumat kakitangan/senarai gaji
- Maklumat pengeluaran
- Maklumat pemerolehan
- Prestasi perkhidmatan dan mutu
- Butir-butir dan proses pengeluaran
- Maklumat biaya dan produktiviti pengeluaran
- Kaedah pemeriksaan
- Data pengesahan penjual
- Maklumat kesihatan peribadi

Maklumat sedemikian juga termasuk sebarang maklumat yang diberi kepada kakitangan A&E dengan arahan jelas bahawa

dipegang sulit. Pada amnya, maklumat sulit tidak boleh didedahkan tanpa izin jelas kepada sesiapaupun kecuali mereka yang dibenarkan mempunyai maklumat tersebut.

Di samping maklumat sulit yang dimiliki A&E, kakitangan A&E diharuskan melindungi maklumat sulit yang bukan awam milik pelanggan, pembekal dan rakan bisnes A&E yang diberik kepada A&E berkaitan dengan hubungan bisnes. Maklumat sedemikian mungkin termasuk data pengeluaran pelanggan atau maklumat harga pembekal. Pada amnya, A&E memastikan pihak-pihak ini akan melindungi kesulitan maklumat sedemikian, dan rakan tidak akan mendedahkan maklumat tersebut kepada pihak luar tanpa izin bertulis yang jelas daripada Presiden A&E, Naib Presiden Kanan Korporat A&E atau pihak lain yang melapor secara langsung kepada Presiden A&E.

Rakan manapun yang didapati melanggar dasar ini tertakluk pada tindakan disiplin, sampai dan termasuk pemecatan, dan mungkin juga tertakluk pada hukuman sivil dan jenayah kerana pelanggaran undang-undang sekuriti yang berkenaan, antara lain.

Ketepatan Pelaporan Kewangan dan Penyimpanan Catatan

Dasar A&E adalah untuk memberi pendedahan lengkap, adil, jitu, tepat waktu dan dapat difahami dalam laporan dan dokumen yang dikeluarkan kepada awam atau yang difailkan dengan badan pengawas. Dasar A&E tetap adalah bahawa segala transaksi dicerminkan secara tepat dalam buku dan catatan. Tambahan pula, dasar A&E adalah bahawa segala buku dan catatan dan akaun bank atau simpanan aset lain A&E harus tertakluk pada kawalan perakaunan dan audit biasa, dan pemalsuan sbarang buku dan catatan atau penjagaan sebarang akaun bank atau simpanan rahsia dilarang dengan tegas. A&E memerlukan pencatatan dan pelaporan maklumat yang jujur dan tepat untuk membuat keputusan bisnes yang bertanggungjawab. Catatan harus disimpan atau dimusnahkan menurut dasar penyimpanan catatan A&E sahaja.

Sumber Syarikat dan Harta Intelektual

Harta intelektual A&E merupakan aset yang bernilai. Nama dan logo syarikat melambangkan A&E, dan penggunaan yang tidak betul boleh mengakibatkan publisiti atau akibat ekonomi buruk terhadap syarikat. Di samping itu, syarikat mesti memastikan standard yang mencukupi dipenuhi untuk sebarang keluaran yang mempunyai nama syarikat. A&E juga mempunyai hak eksklusif di bawah undang-undang kerajaan pusat dan beberapa undang-undang asing untuk mengeluarkan, menggunakan atau menjual ciptaan yang dipaten dan mengagihkan salinan bahan yang dilindungi hak cipta. Penggunaan hak-hak ini merupakan langkah yang penting dalam mengekalkan kelebihan saingan A&E. Di samping itu, A&E memiliki segala ciptaan, penemuan, idea dan rahsia dagang yang dihasilkan oleh kakitangan A&E di tempat kerja atau yang dihasilkan dengan sumber syarikat.

Untuk melakukan bisnes syarikat, A&E menggunakan pelbagai sistem elektronik termasuk tetapi tidak terhad pada: telefon, telefon bimbit, pager, kemudahan mel suara, komputer peribadi yang dibekalkan A&E, PDA (Pembantu Meja Peribadi), laptop, alat faks, modem dan pelayan serta akses e-mel dan Internet yang disediakan oleh A&E. penggunaan sistem-sistem ini tertakluk pada dasar A&E tertentu dan kakitangan A&E tidak dibenarkan sekali-kali menggunakan peralatan ini dengan cara yang menyinggung, mengganggu atau tidak beretika, atau melanggar sebarang dasar A&E atau undang-undang yang berkenaan.

Komunikasi dengan Kerajaan

Dasar adalah untuk bekerjasama dengan badan kerajaan dalam melakukan fungsi mereka dengan betul, tetapi penting sekali agar balasan bagi penyiasatan kerajaan diselenggarakan dalam A&E. Permintaan untuk maklumat atau pertanyaan yang diterima daripada pihak berkuasa kerajaan pusat, negeri, tempatan atau majlis perbandaran (selain daripada permintaan biasa) akan dicatatkan oleh individu yang menerima dan langsung dirujuk kepada Jabatan Undang-undang Korporat A&E, dengan sebarang komen yang sesuai. Jabatan Undang-undang Korporat A&E bertanggungjawab atas mengakui penerimaan segala permintaan tidak biasa dan memulai tindakan yang sesuai untuk kepatuhan yang tepat waktu.

Komunikasi dengan Awam

Hanya individu yang ditugaskan oleh Presiden A&E dibenarkan bercakap bagi pihak A&E kepada media berita, penganalisis atau masyarakat awam. A&E melakukan segala usaha untuk memberi komunikasi yang jelas dan tepat kepada media berita dan masyarakat tempatan untuk memastikan keutuhan dikekalkan dalam hubungan A&E dengan awam. Jika dihubungi oleh media berita, penganalisis atau orang yang mengajukan soalan, semua kakitangan A&E harus merujuk orang tersebut kepada Naib Presiden Korporat – Sumber Manusia untuk balasan.



Komitmen yang Berterusan

Mutu, Khidmat, Nilai & Keutuhan.
Ada Perubahan.

Semua orang di A&E bertanggungjawab untuk bertindak secara beretika, memenuhi tugas mereka dan menerima tanggungjawab atas tindakan mereka. Nilai-nilai dan dasar-dasar kita mempunyai jangkauan sedunia dan kita semua perlu meluangkan masa untuk memahami dan menerapkan nilai dan dasar ini sepenuhnya. Pengurusan A&E memahami cabaran ini bagi setiap orang antara kita, tetapi kejayaan syarikat kita bergantung pada keutuhan kita dalam pasaran, dalam hubungan kita satu sama lain, dan juga dalam hubungan kita dalam masyarakat.

A&E akan tetap mengawasi kepatuhan dengan Tata Laku Sedunia ini di samping dasar dan prosedur lain. Ini akan termasuk latihan kepatuhan untuk kakitangan A&E di serata dunia sebagaimana yang dianggap perlu oleh Jabatan Undang-undang Korporat A&E. Tambahan pula, A&E mungkin melakukan audit untuk penerapan dan kepatuhan dasar dan prosedur yang mempunyai implikasi kepatuhan dengan peraturan atau undang-undang sekuriti Amerika Syarikat.



Rakan Pengesahan

Sila kembalikan kepada pengurus Sumber Manusia tempatan anda atau Pengurus Am lokasi anda (harus disimpan dalam fail pekerjaan rakan anda)

Saya telah menerima salinan Tata Laku Sedunia A&E. Saya memahami standard kelakuan yang dijelaskan dalam tata laku ini yang berkenaan dengan pekerjaan saya dan setuju mematuhi tata laku tersebut.

Tandatangan _____

Tulis Nama _____

Tarikh _____

Jabatan _____

Lokasi _____

